



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 6 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RUMAH MADU TERENGGANU DIBUKA, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	LIMA EKOR KERBAU DISELUDUP NAIK BOT PENUMPANG, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	ANGKUT LIMA KERBAU NAIK BOT, LOKAL, HM -8	
4.	AGROBANK BANTU ASNAF, B40 SERTAI BISNES TERNAKAN UDANG GALAH, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
5.	TAIKUN BERAS TAWAR RM1,800 KEPADA PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -1 & 3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



SHAMSUL Bahri Abd. Razak (kanan) membincangkan sesuatu dengan seorang ahli jawatankuasa Persatuan Lebah Kelulut Terengganu mengenai madu jenama T-Ganu di Rumah Madu Terengganu di Wakaf Tembesu, Kuala Nerus, kelmarin. - UTUSAN/ZAID MOHD. NOOR

Rumah Madu Terengganu dibuka

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulia.com.my

KUALA NERUS: Persatuan Lebah Kelulut Terengganu (Pelekat) membuka Rumah Madu Terengganu yang pertama, di Malaysia sebagai pusat sehenti kepada ahli memasarkan produk mereka dengan lebih tersusun dan meluas.

Penasihat Pelekat, Prof. Shamsul Bahri Abd Razak berkata, premis tersebut yang terletak di Wakaf Tembesu di sini direalisasikan hasil bantuan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu dengan peruntukan RM35,000.

Beliau berkata, kemudahan premis tersebut disediakan untuk membantu 148 ahli persatuan itu menjana pendapatan

lebih lumayan, sekali gus meningkatkan taraf sosio ekonomi terutama golongan berpendapatan rendah.

Menurutnya, premis itu juga akan dijadikan pusat informasi dan tarikan eco-tourism negeri suatu hari nanti.

“Rumah Madu Terengganu itu akan menempatkan pelbagai rangkaian produk seperti kosmetik, sabun dan aromaterapi berasaskan madu kelulut,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Rumah Madu Terengganu di sini, kelmarin.

Shamsul Bahri memberitahu, pada masa ini, pengeluaran madu kelulut ahli Pelekat menjangkau sehingga 20 tan matrik setahun yang dijual pada harga

antara RM120 hingga RM150 sekilogram.

Tambahnya, kualiti madu kelulut keluaran ahli yang dijenamakan sebagai T-Ganu Honey dijamin asli kerana melalui ujian ketulenan di Makmal Kualiti Madu Pantai Timur Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Katanya, makmal tersebut adalah satu-satunya yang ada di Pantai Timur dan dilengkapi dengan mesin High Performance Liquid Chromatograph (HPLC) yang berharga RM400,000.

“Pengguna tidak perlu meragui keaslian madu jenama T-Ganu Honey yang dijual di pasaran kerana madu tersebut menjalani ujian ketulenan sebelum dijual di pasaran,” ujarinya.



TIGA lelaki ditahan kerana menyeludup lima ekor kerbau di perairan Lawas dekat Miri semalam.

Lima ekor kerbau diseludup naik bot penumpang

MIRI – Cubaan tiga lelaki menyeludup masuk lima ekor kerbau dari Sabah ke negeri ini menggunakan sebuah bot penumpang gagal apabila mereka ditahan di perairan Lawas dekat sini semalam.

Pengarah Zon Maritim Miri, Kepten Maritim Mohd. Khairul Anuar Saad berkata, kesemua suspek ditahan kira-kira pukul 10.45 pagi oleh bot ronda Maritim

Malaysia (APMM) Zon Maritim Miri di kedudukan 3.1 batu nautika selatan Tanjung Perapat.

"Hasil pemeriksaan dan penggeledahan menemukan sebanyak lima ekor kerbau.

"Bot penumpang itu dikendalikan oleh seorang tekong serta dua awak-awak yang kesemuanya rakyat tempatan.

"Mereka ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di

bawah Seksyen 9 (1) dan (3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 kerana gagal mengemukakan permit pemindahan haiwan ternakan ke Sarawak," katanya dalam kenyataan.

Tambahnya, bot penumpang bersama kesemua kru terabit telah diiring ke Jeti Pejabat Daerah Lawas sebelum diserahkan kepada Jabatan Veterinar Sarawak untuk tindakan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2024	HARIAN METRO	LOKAL	8



"Hasil pemeriksaan, didapati bot yang dikendalikan seorang tekong dan dua awak-awak warga tempatan membawa lima ekor kerbau yang diikat"

Kepten Maritim Mohd Khairul Anuar Saad

TIGA LELAKI DITAHAN

Angkut lima kerbau naik bot

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching

Cubaan tiga lelaki mengangkut lima ekor kerbau menaiki bot dari Sabah ke Lawas, Limbang gagal apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Miri, Kepten Maritim Mohd Khairul Anuar Saad berkata, selepas anggota menjalankan

rondaan di perairan Lawas dalam Op Permai 01/2019 dan Op Tiris 3.0 pada 10.45 pagi.

Menurutnya, mereka kemudian mengesan sebuah bot dalam keadaan mencurigakan di kedudukan 3.1 batu nautika di selatan Tanjung Perapat lalu bertindak menahannya.

"Hasil pemeriksaan, didapati bot yang dikendalikan seorang tekong dan dua awak-awak warga tempatan membawa lima ekor kerbau yang diikat. "Bot itu bersama kese-

mua kru ditahan lalu dibawa ke Jeti Pejabat Daerah Lawas untuk diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sarawak bagi tindakan lanjut," katanya.

Menurutnya, siasatan mengikut Seksyen 9 (1) dan (3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar (VPHO) 1999.

Katanya, pihaknya sentiasa komited dalam menguatkuasakan undang-undang dan tidak akan berkompromi ke atas mana-mana pihak.



TIGA kru warga tempatan ditahan ketika cuba bawa masuk lima kerbau dari Sabah ke Lawas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2024	KOSMO	NIAGA	38

Agrobank bantu asnaf, B40 sertai bisnes ternakan udang galah

PETALING JAYA – Agrobank telah menganjurkan Program Hijrah Asnaf Aquaprenuer Udang Galah di Institute of Aquaculture and Aquatic Sciences (I-AQUAS) Port Dickson, Negeri Sembilan bertujuan untuk melakukan kerja-kerja pemberihan kawasan penternakan udang galah.

Program khidmat masyarakat ini dianjurkan di bawah Program Inkubator Keusahawanan Aquapreneur Pembenihan Udang Galah dan ia dijayakan bersama Agrobank Centre of Excellence (ACE), Institute of Aquaculture and Aquatic Sciences (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) sertas syarikat peneraju, Benih Udang Port Dickson (BUPD).

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program pembangunan komuniti berstruktur ini adalah untuk menggalakkan golongan asnaf dan B40 menceburi bidang keusahawanan.

Menurutnya, melalui peruntukan dana yang disalurkan, peserta akan menjalani latihan praktikal dalam bidang akuakultur serta diberi pendedahan tentang ilmu keusahawanan selama enam bulan.

“Usaha ini juga dapat membasmi masalah kemiskinan melalui peluang pekerjaan yang dibuka terutama kepada golongan belia yang berminat untuk menceburi sektor perikanan dan keusahawanan.

“Pendapatan yang dijana hasil daripada ternakan udang galah dapat menyara keperluan dan kos sara hidup yang kian meningkat,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Setiap peserta akan diberikan empat tangki ternakan, 70,000 benih udang galah serta keperluan lain seperti dedak dan bekalan air.

Hasil ternakan udang galah akan dijual semula kepada syarikat peneraju pada harga yang ditetapkan.

Program khidmat masyarakat ini dibantu oleh lepasan graduan yang pernah menerima tajaan biasiawa Agrobank.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1

Taikun beras tawar RM1,800 kepada pesawah

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

KANGAR: Sejumlah syarikat besar atau taikun beras didakwa mengawal kumpulan broker padi dan menawarkan harga belian padi yang tinggi iaitu antara RM1,600 hingga RM1,800 per tan metrik kepada pesawah.

Golongan taikun yang dikatakan menguasai lebih 70 peratus bekalan beras negara juga didakwa akan memberi komisen antara RM100 sehingga RM200 per tan kepada pelesen-pelesen atau broker untuk membawa padi kepada syarikat atau kilang-kilang besar terlibat.

Bungkus beras tempatan sebagai beras import, jual harga mahal

Menurut sumber dalaman sebuah kilang beras, tawaran lumayan itu membuka ruang kepada syarikat-syarikat besar ini memanipulasi proses pembungkusan yang menyaksikan beras tempatan 'bertukar' menjadi beras import selain dijual dengan harga lebih tinggi.

Dakwanya, bagi mengelirukan pihak berkaitan, syarikat-syarikat yang terlibat akan membungkus kira-kira satu atau dua peratus sahaja beras sebagai beras tempatan.

Berikutan itu, katanya, bekalan beras tempatan masih sukar didapati di pasaran dengan isu berkenaan sudah berlarutan lebih setahun.

"Taikun-taikun ini yang taja dan sokong broker-broker padi ini. Disebabkan masalah itu juga, kilang-kilang kecil, pemborong-pemborong kecil ini 'mati'.

Bersambung di muka 3

Taikun beras tawar RM1,800 kepada pesawah

Dari muka 1

“Beras tempatan ini dijual sebagai import dan mungkin dalam satu peratus yang dipek sebagai beras tempatan dan dijual harga RM26.00 di program-program jualan.

“Apabila melibatkan harga belian padi yang tinggi oleh broker dan syarikat atau kilang-kilang besar ini, kilang lain yang lebih kecil terpaksa mengikut rentak tersebut sekali gus menanggung kerugian,” katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, isu ketiadaan beras putih tempatan yang didakwa dibungkus pengilang sebagai beras putih import, sukar dibendung daripada awal kerana petani sendiri tiada pilihan untuk menjual padi mereka kepada pihak yang telus.

Bercakap kepada akhbar ini, seorang petani yang hanya

seluruh negara masih tinggi pada setiap setiap musim.

Sementara itu, sumber berkenaan berkata, yang untung dalam situasi berkenaan sudah pastinya broker padi dan kilang-kilang besar terbabit yang menjual beras tempatan sebagai import.

Justeru bagi mengatasi masalah ini, katanya, kerajaan perlu menetapkan harga belian padi kepada RM1,500 per tan dan menetapkan harga beras pada satu gred sahaja iaitu RM36 bagi berat 10 kilogram.

Katanya, cadangan tersebut sudah beberapa kali diutarakan namun masih tidak ada jalan penyelesaian sehingga kini.

“Jika tidak melaksanakan langkah tersebut, saya lihat isu ketiadaan beras tempatan ini akan terus berlarutan. Kalau dilihat di kedai-kedai atau pasar raya, mana ada lagi beras tempatan semuanya beras import,” katanya.

Broker padi tawar harga lebih tinggi

UTUSAN Malaysia 5 Jun 2024.

BERAS yang berharga RM1,800 per tan kini telah menjadi isu hangat di kalangan petani. Menurut Nur Fitri Amir, petani padi di kawasan Melayu, harga beras tempatan yang ditawarkan oleh broker dan kilang-kilang besar jauh lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan kerajaan.

Nur Fitri Amir berkata, beliau telah membeli beras tempatan dari broker dengan harga RM1,800 per tan, manakala harga yang ditetapkan kerajaan hanya RM1,500 per tan. Beliau berkata, harga yang tinggi ini telah memaksa beliau untuk menjual hasil produksinya dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang ditetapkan kerajaan.

Nur Fitri Amir berkata, beliau telah membeli beras tempatan dari broker dengan harga RM1,800 per tan, manakala harga yang ditetapkan kerajaan hanya RM1,500 per tan. Beliau berkata, harga yang tinggi ini telah memaksa beliau untuk menjual hasil produksinya dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang ditetapkan kerajaan.

mahu dikenali sebagai Ishak, 60-an dilaporkan berkata, isu beras tempatan yang dibungkus sebagai beras import berada di luar kawalan petani kerana sebagai penjual padi, mereka sudah tentu akan mencari pembeli atau pengilang yang menawarkan harga belian paling tinggi pada setiap musim.

Sebelum ini *Utusan Malaysia* juga melaporkan Setiausaha Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH),

yang dibungkus sebagai beras tempatan. Beliau berkata, harga yang tinggi ini telah memaksa beliau untuk menjual hasil produksinya dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang ditetapkan kerajaan.

Nur Fitri Amir berkata, beliau telah membeli beras tempatan dari broker dengan harga RM1,800 per tan, manakala harga yang ditetapkan kerajaan hanya RM1,500 per tan. Beliau berkata, harga yang tinggi ini telah memaksa beliau untuk menjual hasil produksinya dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang ditetapkan kerajaan.

Nur Fitri Amir berkata, kebanyakan kilang berebut membeli padi dengan jumlah yang banyak pada harga RM1,600 per tan bagi membolehkan mereka menjual beras RM40 ke atas dengan menukar kantung yang dicop beras putih import.

Ketadaan itu menurut Nur Fitri, menjadi penyebab mengapa lebih banyak beras putih import terdapat di pasaran berbanding beras putih tempatan walaupun hasil tuaian padi di